



**PROSEDUR PEMBERITAHUAN
KEMALANGAN, KEMALANGAN
NYARIS KEJADIAN BERBAHAYA,
KERACUNAN DAN PENYAKIT
PEKERJAAN
SERTA PENYIASATAN**



**PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN**

PROSEDUR PEMBERITAHUAN KEMALANGAN, KEMALANGAN NYARIS KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN SERTA PENYIASATAN

A. PENDAHULUAN

Prosedur ini dikeluarkan adalah berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan KKP (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerja dan Penyakit Pekerjaan) 2004 untuk pemakaian Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

B. TAFSIRAN

Mengikut Peraturan-Peraturan KKP *Notification of Accident, Dangerous Occurrence, Occupational Poisoning and Occupational Disease (NADOPOD)* / Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerja dan Penyakit Pekerjaan 2004.

(i) **“Kemalangan”** ertinya sesuatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja yang mengakibatkan kecederaan maut atau kecederaan tidak maut.

(ii) Kecederaan

“Kecederaan badan yang serius” - ertinya apa-apa kecederaan yang disenaraikan dalam **Jadual 1**.

“Kecederaan maut” - ertinya kecederaan yang membawa kepada kematian serta merta atau kematian dalam tempoh satu tahun dari tarikh kemalangan

“Kecederaan tidak maut” - ertinya;

(a) kecederaan masa hilang (*loss working hours*) yang menghalang seseorang pekerja daripada melaksanakan kerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja secara kekal atau sementara; atau

(b) kecederaan tiada masa jika yang tiada masa kerja yang hilang selain yang dikehendaki bagi rawatan perubatan

(iii) **“Kejadian berbahaya”** ertinya suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam **Jadual 2**.

(iv) **“Keracunan pekerja dan penyakit pekerjaan”** ertinya keracunan atau penyakit yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam **Jadual 3**.

Selepas ini “Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerja dan Penyakit Pekerja” disebut sebagai “kemalangan” kecuali dinyatakan dengan jelas.

C. PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN KEPADA JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JKKP JBPM)

1. Setiap ketua jabatan (ketua balai, ketua zon, pengarah dan ketua bahagian) hendaklah memastikan setiap kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerja dan penyakit pekerja yang berlaku di tempat kerja masing-masing hendaklah dilaporkan kepada JKKP JBPM dengan kadar segera.
2. Pemberitahuan berkenaan kejadian kemalangan hendaklah dihantar melalui medium komunikasi (telefon, email, faks, *messaging services*) dengan mengemukakan maklumat berikut;
 - a. Perihal kemalangan / kejadian berbahaya
 - b. Tarikh dan masa
 - c. Lokasi kejadian
 - d. Senarai nama pegawai terlibat
 - e. Kronologi kejadian
 - f. Tahap kecederaan
 - g. Gambar sokongan.
3. Pemberitahuan awal hendaklah dihantar kepada JKKP JBPM Negeri mengikut senarai penerima seperti berikut;
 - a. Pengerusi (Pengarah)
 - b. Timbalan Pengerusi (Timbalan Pengarah)
 - c. Setiausaha (Penolong Pengarah Bahagian Operasi)
4. Setiausaha JKKP JBPM Negeri hendaklah memanjangkan pemberitahuan awal kemalangan ke peringkat JKKP JBPM Ibu Pejabat mengikut senarai penerima seperti berikut;
 - a. Pengerusi (Ketua Pengarah)
 - b. Timbalan Pengerusi (Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))
 - c. Setiausaha (Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi)
 - d. Ketua Seksyen Pengurusan Operasi, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
5. Pemberitahuan awal kemalangan atau kejadian berbahaya kepada DOSH hendaklah dibuat apabila melibatkan perkara berikut;
 - a. Kemalangan melibatkan kematian

- b. Kemalangan yang menyebabkan kecederaan badan serius (mengikut Jadual Pertama NADOPOD) yang menghalang seseorang pegawai daripada menjalankan tugas lebih daripada empat (4) hari calendar
- c. Kejadian berbahaya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Jadual Kedua NADOPOD.

D. PELAPORAN KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

1. Kemalangan dan kejadian berbahaya

- a. Setiausaha JKKP JBPM Negeri hendaklah mengemukakan Laporan Mengenai Kemalangan / Kejadian Berbahaya NADOPOD 2004 (JKKP 6) sekiranya melibatkan perkara seperti berikut;
 - i. Kemalangan melibatkan kematian
 - ii. Kemalangan yang menyebabkan kecederaan badan serius (mengikut Jadual Pertama NADOPOD) yang menghalang seseorang pegawai daripada menjalankan tugas lebih daripada empat (4) hari calendar
 - iii. Kejadian berbahaya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Jadual Kedua NADOPOD.
- b. Laporan JKKP 6 hendaklah dihantar kepada penerima seperti berikut dalam tempoh masa tujuh (7) hari;
 - i. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri
 - ii. Setiausaha JKKP JBPM Ibu Pejabat
- c. Bagi mana-mana kemalangan dan kejadian berbahaya yang berlaku selain daripada dinyatakan di perkara 1 di atas, setiausaha JKKP JBPM Negeri hendaklah mengemukakan Laporan JKKP 6 kepada Setiausaha JKKP JBPM Ibu Pejabat sahaja.

2. Keracunan atau penyakit pekerjaan

- a. Setiausaha JKKP JBPM Negeri hendaklah mengemukakan Laporan Mengenai Keracunan/Penyakit Pekerjaan (JKKP 7) sekiranya berlaku kejadian melibatkan keracunan atau penyakit pekerjaan (senarai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga NADOPOD)
- b. Laporan JKKP 7 hendaklah dihantar kepada penerima seperti berikut dalam tempoh masa tujuh (7) hari;
 - i. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri
 - ii. Setiausaha JKKP JBPM Ibu Pejabat

E. PENYIASATAN KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN.

1. JKKP JBPM Negeri sebaik sahaja menerima laporan tersebut hendaklah melantik satu jawatankuasa bagi menjalankan siasatan untuk mendapatkan fakta/maklumat dan keterangan daripada individu yang terlibat secara langsung, mangsa kemalangan, saksi kemalangan, ketua jabatan atau mereka yang berkenaan dengan kaedah berikut
 - 1.1 Melengkapkan Laporan bertulis dengan menggunakan Borang JKKP JBPM Siasatan.
 - 1.2 Menemubual dan merekod kenyataan/percakapan
 - 1.3 Menyiasat di tempat kejadian/kemalangan
 - 1.4 Mengambil gambar-gambar foto/video
 - 1.5 Mengumpul dokumen-dokumen, bahan-bahan bukti dan seumpamanya.
2. Laporan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada setiausaha JKKP JBPM Ibu Pejabat dalam tempoh 14 hari bekerja selepas lantikan Jawatankuasa Siasatan.

F. PENYELENGGARAAN REKOD DAN DAFTAR KEMALANGAN

1. JKKP JBPM Ibu Pejabat hendaklah merekod dan menyelenggarakan rekod berhubung setiap Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan samaada yang perlu dilaporkan kepada DOSH atau tidak mengikut borang yang ditetapkan (**Borang JKKP8**)
2. Daftar tersebut perlu disimpan sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun dari tarikh kejadian
3. Daftar tersebut perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah DOSH pada setiap tahun, iaitu sebelum 31 Januari bagi daftar yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

G. LAMPIRAN-LAMPIRAN

1. Borang Pelaporan Kemalangan

- ☐ JKKP 6 – Pemberitahuan Mengenai Kemalangan/ Kejadian Berbahaya
- ☐ JKKP 7 – Pemberitahuan Mengenai Keracunan Pekerjaan/ Penyakit Pekerjaan
- ☐ JKKP 8 - Daftar Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan

2. Borang Siasatan KKP
3. Carta Alir Pelaporan Dan Penyiasatan Kemalangan KKP JBPM

H. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang pertindihan, kekeliruan atau kekurangan maka Akta KKP 94' dan Peraturan-Peraturannya, terutama Peraturan-Peraturan KKP (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 hendaklah dirujuk sebagai silih ganti bagi melengkapkan prosedur ini.

LAPORAN MENGENAI KEMALANGAN/KEJADIAN BERBAHAYA
 PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PEMBERITAHUAN MENGENAI
 KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN) 2004

Bahagian A – Maklumat Pemberitahu
 Pemberitahu – Peraturan 5 (1)&(2) Majikan
 Nama

Jawatan

Nama & Alamat Organisasi

No. R.O.C

No. Pend.
JKKP

Orang yang boleh dihubungi {Jika lain dari atas}

No. Telefon

Kod Klasifikasi Industri (Jadual
3)

Bahagian B – Orang yang terlibat
 (Jika lebih dari seorang, sila gunakan borang berasingan)
 Nama

Tarikh Lahir

No. K/P atau No. Pasport

Warganegara

Jantina

L/P

Pekerjaan

Nama & Alamat Organisasi

Tempat Kejadian

Tarikh dan Masa Kejadian

Tarikh Mula Laporan kepada JKKP

Bahagian C – Huraian kemalangan atau kejadian berbahaya

Sila huraikan apa yang berlaku sebelum, semasa dan selepas kejadian (boleh menggunakan kertas lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi)

Tanda Tangan Pemberitahu

Tarikh

Penafian

Mengisi borang ini tidak menjadikan pengakuan ke atas sebarang liabiliti oleh orang yang mengisi borang

LAPORAN MENGENAI KERACUNAN PEKERJAAN/PENYAKIT PEKERJAAN

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PEMBERITAHUAN MENGENAI KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN) 2004

Bahagian A1

Pemberitahu – Peraturan 7 (1) Majikan

Nama

Jawatan

Nama & Alamat Organisasi

No. Telefon

No. R.O.C

No. Pend. JKPP

Kod Klasifikasi Industri (Jadual 3)

Orang yang boleh dihubungi {Jika lain dari atas}

Bahagian A2

Pemberitahu – Peraturan 7 (2) Pengamal Perubatan Berdaftar

Nama

Jawatan

Alamat Klinik/Hospital

No. Telefon

Bahagian B – Orang Yang Terlibat Bahagian C – Keracunan Pekerja/penyakit

Nama

Tarikh Lahir

No. KP/No. Paspot

Warganegara

Jantina

L/P

Pekerjaan

Nama & Alamat Organisasi

Lokasi Kejadian

Diagnosis/Diagnosis Sementara

Tarikh Diagnosis

Nama & Alamat Doktor yang merawat

Bahagian D

Huraian pekerjaan yang membawa keracunan pekerjaan/penyakit pekerjaan (Sila huraikan sebarang kerja yang dibuat oleh orang yang terlibat yang mungkin telah membawa kepada penyakit. Jika penyakit mungkin disebabkan oleh pendedahan kepada sebarang agen semasa kerja, contoh kimia yang spesifik – sila nyatakan agen berkenaan)

Tanda Tangan Pemberitahu

Tarikh

Penafian

Mengisi borang ini tidak menjadikan pengakuan ke atas sebarang liabiliti oleh orang yang mengisi borang.

[illegible]

Lampiran 5

Saiz Industri

B : Pusingan Jualan Setahun > RM 25 juta (Pekerja > 151 orang) Jumlah Perakuan Daftar disahkan oleh :

S : Pusingan Jualan Setahun = RM 10 – 25 juta (Pekerja 51 – 150 orang) Jawatan : Tarikh :

K : Pusingan Jualan Setahun < RM 10 juta (Pekerja < 50 orang)

JKKP 8 (IV) / (IV)

1. Daftar Kemalangan Pekerjaan dan Keracunan / Penyakit Pekerjaan (Keseluruhan Tahun 20)

- Penuhi bahagian ini dengan menyalin jumlah dari daftar tahunan.
- Sekiranya tiada Kemalangan, Keracunan atau Penyakit Pekerjaan, sila isi bahagian Y dan Z sahaja.

Kemalangan yang membawa maut (mati)	Kemalangan membawa hilang hari bekerja	Kemalangan tanpa kehilangan hari bekerja	Jumlah kes kemalangan Pekerjaan	Keracunan / Penyakit melibatkan maut	Keracunan / Penyakit menyebabkan hilang hari bekerja	Jumlah Keracunan Penyakit tanpa hilang hari bekerja	Jumlah jam bekerja pada Tahun 20..... Y (Gunakan nombor bulat yang terdekat)
Bilangan Kematian	Jumlah Kes Bil. Hari tanpa bekerja	Bilangan kes kemalangan tanpa hilang hari bekerja	Bilangan kes kemalangan Pekerjaan	Bilangan Kematian	Keracunan / Penyakit menyebabkan hilang hari bekerja	Jumlah Kes Keracunan / Penyakit Pekerjaan	Jumlah purata pekerja pada Tahun 20..... Z (Gunakan nombor bulat yang terdekat)
A	B	C	D	E	T	U	V

**** Nota : 1 hari = 8 jam 1 kematian = 6000 hari (tak bekerja)**

KES KEMALANGAN PEKERJAAN	KES KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN
Kadar Kematian = $\frac{\text{Bilangan Kematian (A)} \times 1000}{\text{Purata Bil. Pekerja tahunan (Z)}} =$	Kadar Kematian = $\frac{\text{Bilangan Kematian (T)} \times 1000}{\text{Purata Bil. Pekerja tahunan (Z)}} =$
Kadar Kejadian = $\frac{\text{Bil. Kemalangan (E)} \times 1000}{\text{Purata Bil. Pekerja tahunan (Z)}} =$	Kadar Kejadian = $\frac{\text{Bil. Keracunan \& Penyakit (X)} \times 1000}{\text{Purata Bil. Pekerja tahunan (Z)}} =$
Kadar Kekerapan = $\frac{\text{Bil. Kemalangan (E)} \times 1,000,000}{\text{Jumlah jam bekerja (Y)}} =$	Kadar Kekerapan = $\frac{\text{Bil. Keracunan \& Penyakit (X)} \times 1,000,000}{\text{Jumlah jam bekerja (Y)}} =$
Kadar Keterukan = $\frac{\text{Bil. Hari Tak Bekerja (C)} \times 1,000,000}{\text{Jumlah jam bekerja (Y)}} =$	Kadar Keterukan = $\frac{\text{Bil. Hilang Hari Bekerja (V)} \times 1,000,000}{\text{Jumlah jam bekerja (Y)}} =$
# Saiz Industri :	NAMA : JAWATAN : TANDATANGAN : TARIKH :
B : Pusingan Jualan Tahunan > RM 25 juta (Pekerja > 151 orang) S : Pusingan Jualan Tahunan = RM 10 – 25 juta (Pekerja 51 – 150 orang) K : Pusingan Jualan Tahunan < RM 10 juta (Pekerja < 50 orang)	

